

**LAWATAN KOLEJ MAWAR, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)
SHAH ALAM KE CEDI, UUM**

Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi

Telah Dihantar: 06 April 2010 10:58

Kepada: UUM All Student; UUM - All Staff

Sk: UUM - Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi

6 APRIL 2010/ 21 RABIUL AKHIR 1431H

"UUM : UNIVERSITI PILIHAN UTAMA"
(FIRST CHOICE UNIVERSITY)**LAWATAN KOLEJ MAWAR, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) SHAH ALAM,
SELANGOR KE INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN & KOPERASI (CEDI),
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

Pada 27 Mac 2010, delegasi Kolej Mawar, UiTM Shah Alam, Selangor telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Institut Pembangunan Keusahawanan & Koperasi (CEDI), UUM. Lawatan tersebut bertujuan bagi mendapatkan maklumat dalam usaha untuk memperkasakan bidang keusahawanan di UiTM. Selain daripada itu, matlamat lawatan ini juga adalah untuk sama-sama berkongsi idea keusahawanan antara UUM dan UiTM selain membentuk hubungan kerjasama dalam bidang keusahawanan.

Delegasi ini terdiri daripada tujuh (7) orang pegawai Kolej Mawar, UiTM dan 27 orang pelajar universiti tersebut. Pelbagai perkara yang dibincangkan sepanjang lawatan diadakan termasuklah kaedah dan pendekatan yang digunakan bagi melahirkan usahawan yang benar-benar berkebolehan dan komited dalam menjalankan perniagaan. Selain daripada itu, idea penubuhan koperasi mahasiswa di setiap IPTA turut dibincangkan dalam usaha membangunkan bidang keusahawanan peringkat IPT. Lawatan daripada Kolej Mawar UiTM ini juga turut dibawa melawat ke Varsity Mall bagi melihat prasarana yang disediakan oleh pihak UUM dalam melahirkan usahawan pelajar.

Habis

DARIPADA:

INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KOPERASI (CEDI)

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL: 04-9285621/5622/5634/5632

FAX: 049285778/5614